

BAB 3

Reka Bentuk dan Tatacara Kajian

Pendahuluan

Kajian ini akan ditumpukan kepada maklum balas pelajar tentang penggunaan buku teks mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BA) Tingkatan Satu. Selain itu juga pengkaji akan meninjau maklum balas pelajar berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan buku teks dan penilaian pelajar terhadap buku teks yang dibekalkan oleh Bahagian Buku Teks melalui skim SPBT .

Justeru itu dalam bab ini pengkaji akan menerangkan aspek perkaedahan kajian yang akan diaplikasikan dalam lapangan kajian. Bab ini meliputi tajuk kecil, iaitu yang pertama merangkumi tempat, populasi dan sampel kajian, kedua tentang kaedah dan alatan kajian, ketiga berkaitan keesahan dan kebolehpercayaan alat kajian dan keempat berkaitan dengan tatacara kajian dan kelima tentang pemprosesan dan penganalisan data kajian.

Tempat, Populasi dan Sampel Kajian

Untuk melaksanakan kajian ini pengkaji telah memilih empat buah sekolah yang menawarkan subjek Bahasa Arab Komunikasi sekitar bandar Raub, Pahang. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria iaitu pemilihan beberapa kategori sekolah iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Agama (SMA) dan sekolah Aliran Agama (KAA). Di samping itu juga pemilihan kategori sekolah luar

bandar dan sekolah luar bandar yang memungkinkan untuk mendapat maklum balas pelajar dari pelbagai latar belakang.

Oleh kerana tempoh bagi pelaksanaan kajian tertakluk kepada tempoh semester pengajian yang amat singkat iaitu akan tamat pada 26 Februari 2005 maka pengkaji mengambil inisiatif untuk memilih hanya empat buah sekolah di daerah Raub sahaja. Walaupun sebaran populasi tidak meliputi sasaran yang meluas namun pada hemat pengkaji ianya memadai kerana ianya melibatkan sebuah Sekolah Berasrama Penuh dua buah sekolah Kelas Aliran Agama (KAA) status bandar dan sebuah sekolah Kelas Aliran Agama (KAA) yang berstatus luar bandar. Keadaan ini adalah diharapkan membolehkan pengkaji mendapatkan data kajian yang lebih mantap bagi menjawab soalan kajian seterusnya menjamin keesahan dan kebolehpercayaan kajian ini.

Populasi sasaran kajian ini ialah pelajar – pelajar Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua di empat buah sekolah yang dipilih tersebut yang menawarkan subjek Bahasa Arab Komunikasi. Pengkaji telah memilih seramai 90 orang pelajar daripada empat buah sekolah tersebut sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kriteria berikut :

- (a) Pelajar tingkatan satu / dua kelas Bahasa Arab di Kelas KAA bandar dan luar bandar.
- (b) Pelajar Tingkatan satu / dua kelas Bahasa Arab di SBP
- (c) Pelajar Tingkatan Dua yang telah menggunakan Buku teks bahasa Arab Tingkatan Satu.

Pemilihan sampel ini di anggap menepati objektif kajian di mana pemilihan pelajar tingkatan dua tahun 2005 kerana responden ini merupakan pelajar yang telah menggunakan buku teks BAK Tingkatan 1 pada tahun 2004. Manakala pemilihan pelajar dari pelbagai latar belakang pendidikan ini kerana ingin melihat pandangan pelajar yang mempunyai perbezaan latar belakang pendidikan dan kategori sekolah terhadap buku teks tersebut. Adalah diharapkan semua responden dapat menyumbangkan dan mewakili pelajar – pelajar dari sekolah yang menawarkan BAK di seluruh negara.

Kaedah dan Alatan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah *survey* dan *temubual* bagi mendapatkan maklum balas pelajar terhadap penggunaan buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu. Bagi memastikan semua sampel menjawab soalan soal selidik, teknik pengendalian soal selidik secara bersemuka telah digunakan.

Alatan kajian yang telah digunakan ialah satu set borang soal selidik yang mengandungi 40 item soalan dalam empat bahagian. Bahagian A adalah maklumat pelajar(soalan 1- 5); Bahagian B untuk maklum balas penggunaan buku teks (soalan 6 - 12); Bahagian C ialah maklum balas tentang faktor penggunaan buku teks (soalan 13 – 28)Bahagian D pula ialah maklum balas tentang penilaian pelajar terhadap buku teks yang digunakan (soalan 29 – 40)

Soalan dalam bahagian B,C dan D adalah menggunakan skala Linkert 4 mata , iaitu nilai terendah ialah 1 dan nilai tertinggi ialah 4. Bahagian B menggunakan respon 1 =

AS11932957

Tidak pernah, 2 = Kadang – kadang, 3 = Kerap, dan 4 = Sangat kerap. Manakala bahagian C pula menggunakan respon 1 = Tidak setuju, 2 = Kurang setuju, 3 = Setuju, dan 4 = sangat setuju. Seterusnya bahagian D pula pengkaji menggunakan respon 1 = Tidak memuaskan, 2 = Kurang memuaskan, 3 = Memuaskan, dan 4 = sangat memuaskan. Sebahagian besar item soal selidik tersebut diubah suai daripada item soal selidik yang dibina oleh Zulkifli A. Manaf et. al. (1995), Abd majid Mohd Isa et . al. (1999) dan Murad Salleh (2003) Pengkaji juga menggubal item tambahan supaya meliputi semua indikator maklum balas pelajar yang diperlukan terhadap penggunaan dan penilaian buku teks Bahasa Arab Komunikasi (BAK)

Keesahan dan Kebolehpercayaan alat Kajian

Kesemua bahagian alatan kajian mempunyai keesahan muka dan kandungan. Hal ini berdasarkan item-item yang dibina bagi setiap bahagian adalah mewakili perkara yang hendak diukur mengikut soalan dan tujuan kajian.

Alat kajian ini juga mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi kerana tahap ketekalan yang tinggi bagi setiap subskala item ala linkert yang digunakan. Nilai Cronbach Alpha bagi setiap subskala item adalah di antara 0.77 hingga 0.96. manakala nilai cronbach alpha bagi keseluruhan item alat kajian pula adalah pada aras 0.96. Tambahan pula sebahagian besar item soal selidik ini telah digunakan dalam kajian yang terdahulu yang hampir menyamai kajian pengkaji. Menurut Syed Arabi Idit, (1992 : 162) setiap alat kajian yang mempunyai nilai keesahan yang tinggi juga akan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Bagaimanapun alat kajian ini telah dikemukakan kepada mereka yang berkepakaran dalam penggunaan buku teks serta pensyarah kursus PXGS 6104 serta digunakan dalam ujian rintis bagi memastikan nilai keesahan dan kebolehpercayaannya.

Tatacara Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan secara tentatifnya selama 8 minggu sahaja. Dua minggu bagi menyiapkan kertas cadangan kajian, dua minggu untuk pengutipan data dua minggu untuk memproses dan menganalisis data dan selebihnya adalah untuk penulisan laporan kajian.

Peringkat Prakajian

Pada peringkat ini pengkaji menyiapkan kertas cadangan penyelidikan bagi mendapatkan kelulusan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya untuk melaksanakan kajian. Di samping itu juga pengkaji berbincang dengan penyelia tentang set borang selidik yang akan digunakan nanti. Pengkaji juga telah mengubahsuai dan membuat penambahbaikan terhadap borang soal selidik tersebut .

Peringkat Perlaksanaan Kajian dan Pengumpulan Data

Pada peringkat ini pengkaji telah pergi ke empat buah sekolah yang dipilih. Pengkaji terlebih dahulu menghubungi dan mendapatkan kebenaran daripada pengetua sekolah masing-masing untuk melaksanakan kajian di sekolah tersebut. Setelah mendapat kebenaran pengetua pengkaji mengedarkan set borang soal selidik kepada pelajar

terlibat iaitu pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 2 yang belajar dan menggunakan buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu. Semua pelajar diberi penjelasan tentang tujuan kajian dan diminta kerjasama mengisi borang soal selidik dengan jujur dan ikhlas. Sasaran sampel paling minimum ialah 30 orang .

Setelah tiga hari edaran borang soal selidik dilakukan kepada sekolah – sekolah terpilih pengkaji telah mengumpulkan set borang soal selidik tersebut Keseluruhannya pengkaji mendapat mengumpulkan sebanyak 90 set soal selidik daripada jumlah sampel yang dijangkakan.

Peringkat Memproses dan Menganalisis Data

Pada peringkat ini pula pengkaji telah mengumpul semua data daripada borang soal selidik. Data daripada borang tersebut akan dimasukkan ke dalam borang kodifikasi yang disediakan. Data telah dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan program SPSS versi 11.5. Dapatan kajian akan dipersembahkan secara jadual kekerapan yang melibatkan peratus, min, mod dan median. Nilai min purata (skor) digunakan bagi menyimpulkan dapatan kajian yang boleh diikuti dalam bab 4. Hasil analisis ini diharap dapat membantu pengkaji menjawab soalan-soalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab 1 sebelum ini.

Kesimpulan

Justeru kerana itu dapatlah disimpulkan bahawa reka bentuk dan tatacara kajian ini adalah menepati kaedah yang betul . Pemilihan tempat, populasi dan sampel kajian

pula walaupun tidak dipilih dalam jumlah yang banyak namun pada hemat pengkaji telah mewakili populasi dan memenuhi objektif kajian yang diinginkan.

Seterusnya pemilihan responden daripada kalangan pelajar Tingkatan 1 dan 2 juga dianggap dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kerana mereka adalah kumpulan sasaran yang tepat kerana telah dan sedang menggunakan buku teks tersebut. Oleh itu perbincangan dalam bab ini diharap dapat memberikan penjelasan yang lebih tepat tentang perjalanan sebenar bagaimana kajian ini dilaksanakan.